

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**  
**Peperiksaan Semester Pertama**  
**Sidang 1992/93**

Oktober/November, 1992

**AMP300 - PENYELIDIKAN PEMASARAN**

Masa: [3 jam]

---

**ARAHAN**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. Soalan daripada Bahagian A adalah WAJIB. Jawab TIGA soalan yang lain daripada Bahagian B.

**BAHAGIAN A (WAJIB)**

Tulis nota ringkas bagi LIMA dari yang berikut:

1. (a) Objektif Penyelidikan
- (b) Nilai kewangan yang dijangka bagi maklumat sempurna (EMUPI)
- (c) Kesahan Binaan (Construct) dan Skil Kesahan 'Split-Half'
- (d) Rekabentuk Kajian Luar
- (e) Penyelidikan Panel Pengguna
- (f) Teknik 'Day After Recall (DAR)'
- (g) Eksperimen Rekabentuk Kumpulan Empat Solomon
- (h) Pemilihan saiz sampel dan Rekrutmen

[40 markah]

...2/-

**BAHAGIAN B**

Jawab TIGA soalan yang lain

2. Wanita Maju adalah sebuah rangkaian pasaraya kecil yang menjual pakaian wanita. Syarikat itu telah menjual pakaian-pakaian tradisi selama lebih dari 20 tahun. Sejak 10 tahun yang lepas jumlah jualan, keuntungan dan imej syarikat telah menurun. Persaingan semakin agresif dan pengguna semakin sedar terhadap fesyen.

- (a) Apakah jenis penyelidikan yang anda cadangkan - 'exploratory, causal or performance'?
- (b) Sekiranya sebarang perubahan pemasaran ingin dilaksanakan, apakah jenis penyelidikan yang sesuai? Bincangkan.

[20 markah]

3. (a) Apakah yang anda faham dengan sumber-sumber data utama (primary) dan sekunder (secondary)? Bandingkan kedua-dua data ini?

[10 markah]

- (b) Sebuah pasaraya yang besar ingin mengetahui profil pengguna, pengguna kini dan bakal pengguna. Apakah sumber data sekunder dan bagaimana ia boleh digunakan oleh pasaraya? Bagaimana anda mengesahkan dan membina 'bench marks' dari data dalaman dan data yang disiarkan?

[10 markah]

4. (a) Apakah perbezaan di antara kaedah-kaedah kutipan data secara langsung dan tidak langsung? Bolehkah kita menggunakan kaedah struktur dan bukan struktur dalam kedua-dua jenis kutipan data?

[10 markah]

- (b) Sebuah kilang ubat gigi ingin memutuskan samada menggunakan kajian soal selidik atau temuduga terperinci (indepth interview). Cadangkan kaedah yang terbaik antara kedua-dua ini dengan memberi sebab-sebabnya.

[10 markah]

...3/-

AMP300

5. (a) Bincangkan kebaikan dan batasan dalam menggunakan bentuk kajian dari kutipan data-data melalui tiga cara kutipan data secara langsung iaitu:-

- (i) Temuduga Personal
- (ii) Temuduga melalui telefon
- (iii) Kajian melalui pos

[10 markah]

- (b) GILA-GILA adalah majalah yang baru dilancarkan untuk pasaran sasaran pemuda-pemudi (antara 16 - 24 tahun). Kamu ingin mencari sama ada mereka pernah mendengar atau membaca majalah ini. Kaedah temuduga langsung apakah yang kamu akan gunakan - Personal, Telefon atau Pos?

[10 markah]

6. (a) Apabila anda merekabentuk soal selidik, susunan adalah penting khususnya dari soalan am ke soalan spesifik. Kenapa anda menganggap ini penting untuk dilakukan?

[10 markah]

- (b) Menanyakan soalan-soalan sensitif dalam temuduga personal mungkin tidak mendapat respon. Jika kamu ingin menanya sama ada seseorang yang telah mengambil pinjaman dari sebuah bank, sudah atau belum menjelaskan bayaran, apakah pendekatan yang berbeza dalam rekabentuk soal selidik?

[10 markah]

7. (a) Majoriti dari penyelidikan pemasaran adalah berkaitan dengan pengukuran sikap. Apakah jenis-jenis skil berbeza yang digunakan untuk mengukur sikap? Bincangkan kegunaannya.

[10 markah]

- (b) Apakah perbezaan utama di antara perbedaan semantik dan skil Likert? Skil yang mana patut digunakan untuk mengukur sikap bagi imej terhadap sebuah bank atau organisasi perkhidmatan?

[10 markah]

---ooo000ooo---